

MAHATHIR - PUSPATI

1984

BANGI, 5 JUN (BERNAMA) -- KERAJAAN AKAN MEMAJUKAN PUSAT PENYELIDIKAN ATOM TUNISMAIL (PUSPATI) DI SINI SEBAGAI PUSAT PENYELIDIKAN TERKEMUKA DI ASIA TENGGARA, KATA PERDANAMENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

SEBELUM PUSPATI DAPAT BERKEMBANG MENJADI SEBUAH PUSAT PENYELIDIKAN TENAGA ATOM YANG UTAMA DI RANTAU INI, PERANAN DAN KEMAMPUANNYA PERLU DITINGKATKAN, KATANYA.

MALAYSIA MENGALU-ALUKAN SEBARANG BANTUAN ATAU SUMBANGAN ANTARABANGSA BAGI MEMAJUKAN PUSAT TERSEBUT, BELIAU MEMBERITAHUPARA PEMBERITA SELEPAS MENGADAKAN LAWATAN HAMPIR LIMA JAM KE KOMPLEKS TERSEBUT.

KERAJAAN MALAYSIA BERTERIMA KASIH KEPADA KERAJAAN PAKISTAN KERANA MEMBERI KEMUDAHAN LATIHAN UNTUK PEGAWAI-PEGAWAI MALAYSIA DIPUSAT TENAGA NUKLEAR NEGARA ITU.

DALAM SEMANGAT KERJASAMA YANG SAMA, MALAYSIA SEDANG MEMBERIKAN LATIHAN UNTUK PEGAWAI-PEGAWAI BANGLADESH DI PUSPATI YANG KELAK AKAN MENGENDALIKAN PUSAT PENYELIDIKAN SEPERTI ITUDI NEGARA MEREKA, KATANYA.

-- LAGI 1545/AZ

ZCZC" 8560

MAHATHIR - PUSPATI 2 BANGI

DATUK SERI DR MAHATHIR MENYATAKAN BAHAWA BELIAU BERPUASHATI DENGAN PRESTASI PUSAT TERSEBUT MESKIPUN BARU BEROPERASI SETAHUN LALU.

PUSAT INI MEMAINKAN PERANAN PENTING DALAM PEMBANGUNAN NEGARA KHUSUSNYA UNTUK MENYOKONG PEMBANGUNAN PERINDUSTRIAN, PERTANIAN DAN PERUBATAN, KATANYA.

DENGAN KETEKUNAN DAN DEDIKASI YANG DITUNJUKKAN OLEH PARA PEGAWAINYA, BELIAU YAKIN PUSPATI DAPAT MEMAINKAN PERANA PADA TAHAP YANG LEBIH TINGGI BAGI MENINGKATKAN LAGI HIDUP RAKYAT DI NEGARAINI, TAMBAH BELIAU.

MALAHAN, BELIAU YAKIN PUSAT ITU AKAN BERKEMBANG MENJADI SEBUAH PUSAT PENYELIDIKAN TERKEMUKA BUKAN SAHAJA DI NEGARAINI TETAPI DI RANTAU ASIA TENGGARA.

PADA MASA INI UNIVERSITI NASIONAL SINGAPURA MENGGUNAKAN KEMUDAHAN PENYELIDIKAN DI PUSPATI, KATANYA.

-- LAGI 1547/AZ

MAHATHIR - PUSPATI 3 BANGI

MENGENAI KEMUNGKINAN MENGGUNAKAN NUKLEAR SEBAGAI SATU SUMBER BEKALAN TENAGA DI NEGARA INI, PERDANAMENTERI BERKATA PADA NASA INI KERAJAAN BELUM BERCADANG MENGGUNAKANNYA.

MENURUT BELIAU POTENSI SUMBER LAIN KHUSUSNYA HAIDROELETRIK BANYAK SEKALITER DAPAT DI NEGARA INI.

SEBAGAI CONTOH, BELIAU MENYEBUT RANCANGAN HAIDROELEKTRIK DIBAKO, SARAWAK, YANG SEDANG DIBANGUN SEKARANG AKAN MEMPUYAI KEUPAYAAN MEMBEKAL KUASA 3,500 MEGAWAT.

JUMLAH TERSEBUT ADALAH DUA KALI GANDA DARI PADA KEPERLUAN TENAGA DI SELURUH SEMENANJUNG MALAYSIA, KATANYA.

+ SUMBER HAIDRO ELEKTRIK INI MEMANG BANYAK SEKALITER DAPAT DI NEGARA INI, + KATANYA.

BUAT MASA INI, KERAJAAN BELUM BERCADANG MENCADAKAN STESEN KUASA NUKLEAR, KATANYA, TETAPI BELIAU TIDAK MENOLAK KEMUNGKINAN STESEN SEPERTI ITU DIBINA DI MASA HADAPAN. -- LAGI 1555/ZAM